

11/09/1999

Nenek cuba selamatkan cucu melecur

Syed Ismail Syed Abu Bakar; Badaruddin Mat Zakaria
GEORGETOWN, Jumaat - Seorang nenek melecur teruk seluruh badan selepas cuba menyelamatkan cucunya berusia lima tahun dalam kebakaran empat rumah teres di Jalan Zoo, Air Itam, di sini, jam 3 petang tadi.

Azizah Bee Mohd, 61, yang tinggal di salah sebuah rumah terbabit dikejarkan ke Hospital Pulau Pinang (HPP) oleh jirannya, manakala cucunya yang cedera ringan mendapat rawatan di klinik berdekatan.

Dalam kejadian itu, 60 orang daripada lapan keluarga tinggal sehelai sepinggang.

Pegawai Penjaga Balai Bomba Jalan Perak, Md Salleh Sarbini, berkata pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian itu, jam 3.05 minit.

Menurutnya, sepasukan 20 anggota bomba dan penyelamat bersama tiga jentera sampai ke tempat kejadian tujuh minit kemudian.

"Kebakaran merebak dengan pantas dan berjaya dikawal jam 3.40 petang," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Beliau berkata, punca dan anggaran kerugian masih dalam siasatan.

Menurut seorang saksi, Nordin Ismail, 34, berkata ketika kejadian jam 3 petang itu, dia sedang menguruskan jenazah seorang penduduk sekitar di masjid berhampiran kawasan perumahan itu.

"Sebaik selesai menguruskan jenazah, saya melihat asap tebal berhampiran rumah yang terletak di belakang masjid. Saya terus berlari menuju ke salah sebuah rumah dan ketika itu api mula marak," katanya.

Nordin berkata, seorang makcik dikenali sebagai Azizah dalam keadaan panik kerana mencari cucunya.

Menurutnya, dalam keadaan kelam kabut itu, dia terdengar jeritan seorang kanak-kanak perempuan dalam salah sebuah rumah terbabit.

"Saya tidak dapat menghampiri kerana api sedang marak dan ketika itu, anggota bomba tiba dan berjaya menyelamatkannya," katanya.

Seorang penduduk, Mahathir Darus, 38, berkata penduduk di kawasan itu kesal kerana ketiadaan pili bomba walaupun sudah membuat permohonan sejak beberapa tahun lalu.

"Ketiadaan pili bomba akhirnya membawa padah apabila empat rumah musnah dalam kebakaran di kawasan terbabit," katanya.

Seorang lagi mangsa, Ishak Yusof, bersyukur empat anak serta lapan cucunya berjaya menyelamatkan diri.

Bagaimanapun menurut Ishak, dia sekeluarga kerugian antara RM60,000 hingga RM70,000 apabila semua barangan berharga, termasuk rumah dan wang tunai bernilai RM12,000 yang disimpan dalam sebuah peti musnah.

Seorang pengawal keselamatan Wira Security Sdn Bhd yang bertugas di Pejabat New Straits Times Press (M) Bhd, di sini, Basheer Ismail, 60, bersyukur kerana anggota keluarga dan rumahnya terselamat dalam kebakaran itu.

"Saya menerima panggilan kira-kira jam 3.30 petang daripada salah seorang anak saya dan bergegas ke pulang ke rumah," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bayan Baru, Wong Kam Hoong yang turut berada di tempat kejadian berkata, setiap mangsa akan menerima RM100 sebagai bantuan segera daripada Tabung Kebajikan Parlimen Bayan Baru dan mereka kini ditempatkan di Blok B, Rumah Pangsa Kampung Melayu.

(END)